

**Anugerah Fellowship Naib Canselor -
Penyelidikan dan Inovasi
*Kategori Penerbitan Makalah Jurnal***
Kluster Sains dan Teknologi

Profesor Dr. Amin Ismail

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

AMIN ISMAIL adalah anak jati Negeri Kedah dilahirkan pada tanggal 11 April 1969 di Jitra, Kedah. Amin Ismail mendapat Ijazah Bacelor Sains dan Teknologi Makanan pada tahun 1993 dan Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1996 dalam bidang Kimia dan Biokimia Makanan daripada UPM. Sebahagian penyelidikan ijazah kedoktoran beliau dilakukan di University of Hamburg, Germany dibawah tajaan German Exchange Student Service (DAAD). Beliau memulakan kerjaya akademiknya di Jabatan Pemakanan dan Dietetik (dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pemakanan dan Sains Kesihatan), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM pada Disember 2000. Pada masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Dekan (Siswazah, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, dan Jaringan Industri & Masyarakat). Amin Ismail juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Laboratori Penyelidikan Sains Halal di Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), UPM dari tahun 2009 – 2012, dan sehingga kini beliau merupakan Penyelidik Bersekutu di IPPH.

Beliau terlibat dalam pembentukan program akademik di peringkat prasiswazah dan siswazah. Di peringkat kebangsaan, beliau dilantik sebagai penilai untuk program akademik yang ditawarkan oleh universiti di Malaysia. Selain di UPM, beliau juga terlibat secara aktif sebagai penasihat dan pakar rujuk berkaitan makanan dan pemakanan di Kementerian Kesihatan Malaysia. Di peringkat Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), beliau terlibat secara aktif semenjak tahun 2000, dan pernah memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha, dan pada tahun

